



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

RM8.2 JUTA KOS SELENGGARA SAMPAH DALAM SUNGAI NEGERI SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Satu lawatan kerja ke Sungai Jinjang telah dihadiri oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad pada Oktober 6 2023 bagi meninjau kerja pengurusan sampah supaya sisa pepejal dapat dikurangkan daripada memasuki Kolam Takungan Banjir Jinjang Kuala Lumpur.

Menurut data, sejumlah RM8.2 juta telah dibelanjakan oleh dua (2) buah negeri – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM4.5 juta) dan Selangor (RM3.6 juta) – bagi tujuan penyelenggaraan sampah di dalam sungai di antara Januari dan September 2023.

Dari jumlah tersebut, sebanyak RM166,320 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sampah di struktur *log boom* di Kolam Takungan Banjir Jinjang dan RM150,000 setahun untuk penyelenggaraan sampah Anak Sungai Udang.

Menurut Nik Nazmi, kos penyelenggaraan ini dapat dikurangkan sekiranya isu pembuangan sampah ini dapat diatasi bersama bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar dan risiko berlakunya banjir.

Jelasnya, terdapat dua (2) sungai utama yang melalui Pasar Borong Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur iaitu Sungai Jinjang dan Anak Sungai Udang.

Dalam usaha memastikan aliran air sungai berjalan lancar dan mengurangkan risiko banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui Pejabat Lembaga Sungai Klang (PLSK) dan JPS Daerah Gombak telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan membersihkan sampah yang tersangkut di struktur-struktur perangkap sampah seperti *Gross Pollutant Trap* (GPT), *Log Boom* dan *Trash Rake*.

Kekerapan kutipan adalah sekali seminggu atau lebih, bergantung kepada keperluan di kedua-dua sungai tersebut.

Kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilaksanakan bagi memastikan kelestarian sungai terpelihara kerana kedua-dua sungai ini melalui kawasan kediaman yang agak padat, seterusnya menyumbang kepada faktor peningkatan jumlah sampah di struktur perangkap sampah tersebut.

Berdasarkan rekod kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan, jumlah kutipan sampah di sekitar Kolam Takungan Banjir Jinjang pada tahun 2021 adalah sebanyak 60 tan, manakala 59 tan telah direkodkan pada tahun 2022 dan 36 tan bagi 2023 sehingga September.

NRECC dan agensi-agensi lain yang berkaitan menyeru agar masyarakat lebih prihatin dan memandang serius isu pembuangan sampah ke dalam sungai bagi mengurangkan risiko banjir demi kesejahteraan sejagat serta kelestarian alam sekitar.

Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Akmal Nasrullah, serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang Dato' Mohd Yazid Sairi.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC) 6 NOVEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia